

GSP: Malaysia akan jelaskan keadaan sebenar pekerja pada AS

26 MAY 1990

KUALA LUMPUR 25 Mei — Malaysia akan menjelaskan kepada Amerika Syarikat mengenai kedudukan sebenar pekerja di negara ini supaya ia tidak menarik balik kemudahan Skim Keutamaan Am (GSP), kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, pihak yang mendesak supaya skim itu ditarik balik sebenarnya mempunyai pandangan yang sempit, tanpa memikirkan hubungan antara negara.

"Kesatuan sekerja yang bertindak sebagai kumpulan pendesak mempunyai kepentingan lain dan tidak mengambil kira persefahaman antara negara," katanya kepada para pemberita selepas melawat raptai penuh Sidang Kemuncak Kumpulan Perundingan dan Kerjasama Selatan - Selatan (G15) di Bangunan Parlimen di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Hak Asasi Pekerja mengemukakan petisn supaya kemudahan GSP yang diberikan oleh Amerika Syarikat kepada Malaysia ditarik balik.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan negara maju lebih menekan pekerja ketika mereka berada di tahap seperti Malaysia sekarang.

"Kalau kita lihat, banyak negara di mana pekerjaanya tidak ada kebebasan dan saya nak tahu apa pertubuhan ini hendak buat. Apakah mereka mahu mendesak supaya tidak ada hubungan langsung dengan negara tersebut?" tanya beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun dewasa ini banyak pertubuhan cuba menyekat kebebasan negara tetapi kerajaan akan terus mempertahankan kedudu-

kannya kerana segala dasar dibentuk adalah mengikut keadaan dalam negara.

Malah, kata beliau, Malaysia lebih liberal dan mahu memelihara kepentingan pekerja.

Malangnya, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, ada pihak di negara ini yang menyokong pihak asing mengugut Malaysia.

Beliau menegaskan bahawa cara menyelesaikan masalah melalui konfrontasi atau siapa kuat dia menang sudah ketinggalan zaman.

Katanya, jika cara ini diamalkan, semua pihak, termasuk pekerja, majikan, negara dan rakyat akan rugi kerana akan melibatkan ekonomi negara.

Agih kekayaan

"Hasrat kerajaan ialah untuk mengagih - agihkan kekayaan secara saksama dan untuk ini kita tak utamakan satu - satu pihak sahaja," jelas beliau.

Beliau menambah walaupun diakui peranan pekerja dalam pembangunan negara, tetapi pelabur - pelabur juga ada perannya.

"Kalau tidak ada pelaburan, kilang tak ada, peluang pekerjaan serta pertumbuhan ekonomi tidak ada dan semua rakyat tidak mendapat nikmat pembangunan seperti kemudahan infrastruktur," katanya lagi.

Oleh yang demikian, kata Perdana Menteri, falsafah Malaysia mengenai kegiatan pertubuhan buruh ialah yang mengutamakan kepentingan pekerja tanpa menjejaskan ekonomi negara.

Beliau kkuatir pembangunan negara akan terjejas dan rakyat akan menderita, termasuk pekerja jika tidak ada pelaburan di negara ini.